



## KATA PENGANTAR PENERUSI

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera*

Seraya memanjatkan puji dan syukur kehadiran Allah SWT, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak pengurusan **Mala Mini Hotpot Sdn Bhd (MMHP)** yang memberi kesempatan kepada saya untuk merakamkan sepatah dua kata di ruang pengantar ini.

Menjadi sebuah kebanggaan dan kebahagiaan bagi diri saya kerana dapat bergabung dengan keluarga **MMHP** yang dikendalikan sepenuhnya oleh **XLK Group** dan turut serta dalam sebuah proses perjalanan menuju kejayaan.

Saya menyedari akan kepentingan variasi dalam nilai budaya masyarakat Malaysia, maka kemunculan **MMHP** yang memperkenalkan budaya hidangan **Hotpot** dengan citarasa asli negara China ke pasaran tempatan adalah sangat tepat dan selari dengan refleksi dalam gambaran hubungan masyarakat berbilang bangsa dan agama di Malaysia.

Hasil penerapan falsafah **Keluarga Malaysia** yang menginspirasi keterbukaan dalam menerima perbezaan, **MMHP** telah mengambil langkah berani dengan memperkenalkan resepi sajian tradisi Masyarakat Cina, iaitu **Hotpot Mala** yang menjadi warisan turun temurun untuk dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia. Sajian ini juga telah melalui rangkaian sistem pemprosesan yang menitikberatkan kebersihan dan Dijamin **HALAL**.

Saya menjangkakan konsep sajian Hotpot dengan **Citarasa Mala** yang diperkenalkan oleh **MMHP** bakal mencetus keterujaan pasaran Muslim tempatan kerana keunikannya yang mampu menjelmakan sebuah pengalaman baru yang membahagiakan.

Perkongsian budaya makanan ini bakal mewujudkan pengaruh yang kuat bagi menyemai perpaduan dan semangat kebersamaan dengan silang budaya dan lintas agama. Ia juga saling melengkapi ke arah kesepaduan sosial dan integrasi nasional.

Besar harapan saya untuk melihat **MMHP** yang menjalankan perniagaan secara **rangkaian** dapat berkembang maju dan bakal membuka ruang niaga dan kerjaya kepada usahawan tempatan, terutamanya generasi muda bumiputra.

Akhir kata, saya mendoakan agar usaha **MMHP** yang murni ini bakal meraih kejayaan besar di masa hadapan di Malaysia dan terus berkembang ke peringkat antarabangsa dengan slogan **“Ketulenan Citarasa Mala yang membawa ketagihan”**

Sekian, terima kasih

“SELAMAT MAJU JAYA”

-----  
Y.A.M Tengku Sulaiman Shah Al Haj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al Haj  
Y.A.M. TENGKU LAKSAMANA SELANGOR